

Malaysia sertai mesyuarat pengurangan output minyak esok
Free Malaysia Today
Dec 9, 2016

Mesyuarat bersama OPEC dan 8 negara bukan kartel bertujuan mencari kesepakatan untuk mengurangkan bekalan minyak berlebihan di pasaran.

PETALING JAYA: Sumber Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) memberitahu Reuters bahawa Malaysia dan 8 negara lain akan bermesyuarat dengan kartel, yang mahu mencari kesepakatan untuk mengurangkan bekalan minyak berlebihan di pasaran.

Mesyuarat akan diadakan di Vienna, Austria, esok.

OPEC berharap Malaysia, Azerbaijan, Kazakhstan, Oman, Mexico, Rusia, Sudan, Sudan Selatan dan Bahrain akan mengurangkan 600,000 tong minyak sehari, selepas ahli kartel pada minggu lepas bersetuju untuk mencantas 1.2 juta tong sehari.

Sumber industri memberitahu Reuters bahawa Arab Saudi akan mengurangkan bekalan minyak mulai Januari, walaupun Rusia beri isyarat negara pengeluar minyak bukan kartel belum tentu boleh komited kepada rancangan itu.

Setakat ini hanya Rusia dan Oman sahaja yang berikrar akan mengurangkan pengeluaran minyak, manakala satu sumber OPEC memberitahu Mexico juga akan menyertai rancangan itu.

Kazakhstan bagaimanapun mahu menginjak pengeluaran pada 2017 selepas pelancaran projek Kashagan yang tertangguh sekian lama.

Rusia dijangka menanggung separuh daripada pengurangan minyak daripada kumpulan negara bukan OPEC, kata sumber Moscow kepada Reuters.

Rusia berpandangan negara bukan OPEC perlu lebih bertanggungjawab kerana pematuhan 100% kritikal kepada rancangan itu.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/09/malaysia-sertai-mesyuarat-pengurangan-output-minyak-esok/>